



Bil 01/20 – (02)

19 Jan 20

## **SIARAN AKHBAR**

### **MAJLIS PELANCARAN KONVOI KUMPULAN TEMPUR TENTERA DARAT** **SEMPENA SAMBUTAN HARI TENTERA DARAT KE-87 DI NEGERI SABAH**

1. Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah bin Hj Mohd Nawawi telah menyempurnakan acara pelancaran Konvoi Kumpulan Tempur Tentera Darat Malaysia (TDM) sebagai sebahagian daripada acara bersempena Sambutan Hari Tentera Darat (HTD) Ke-87 pada tahun ini. Majlis berkenaan telah dilangsungkan bertempat di Padang Majlis Perbandaran Tawau, Sabah pada 19 Januari 2020.
2. Konvoi Kumpulan Tempur TDM merupakan acara pertama yang dilaksanakan sebelum menjelangnya sambutan HTD yang diraikan pada 1 Mac setiap tahun bermula daripada penubuhannya pada tahun 1933. Konvoi berkenaan dilaksanakan bertujuan mempamerkan ketumbukan TDM di Sabah melalui jelajah *battle group* ke hampir semua bandar utama di Sabah bermula pada 19 Jan 20 dari Tawau dan akan berakhir di Kota Kinabalu pada 29 Feb 20. Selain itu, ia turut bertujuan untuk mengukuhkan komitmen TDM terhadap pertahanan dan kepentingan keselamatan negeri Sabah serta meningkatkan interaksi antara rakyat dan warga TDM.
3. Komposisi Konvoi Kumpulan Tempur TDM adalah terdiri daripada 29 buah kenderaan tempur dan kenderaan logistik melibatkan aset yang berada di negeri Sabah. Antara kenderaan yang terlibat dengan konvoi berkenaan adalah kenderaan perisai GEMPITA dan LIPAN BARA; kenderaan tempur Kenderaan Pembawa Senjata (KPS), Kenderaan Pembawa Meriam (KPM) beserta Meriam 105mm, *Command Rover* dan motorsikal *scrambler*; serta kenderaan bantuan logistik seperti trak 3 tan, ambulans medan dan kenderaan bantuan pemberian, Kembalik.

4. Pelbagai aktiviti menarik diadakan bagi penduduk Tawau ketika acara pelancaran tersebut seperti senamrobik, pertunjukan payung terjun, pameran aset ketenteraan, pengambilan perajurit muda serta pertunjukan *wardance*, *drumliner* dan pancaragam TDM. Program bermula seawal jam 7.00 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang.
5. Konvoi Kumpulan Tempur TD akan menjelajah ke kebanyakan bandar-bandar utama di negeri Sabah dan akan melaksanakan pelbagai acara menarik ketika persinggahan tersebut. Antara lokasi utama yang akan menjadi persinggahan konvoi adalah seperti berikut:
- a. **Semporna.** Pada 21 hingga 23 Jan 20, bertempat di Dewan Masyarakat Semporna.(Pameran Kerjaya, Pameran Statik Aset TDM, Pertunjukan Payung Terjun, Program Jiwa Murni, Pemeriksaan Kesihatan dan Pengambilan Perajurit Muda)
  - b. **Lahad Datu.** Pada 26 hingga 28 Jan 20, bertempat di Kompleks Sukan Lahad Datu. (Pameran Kerjaya, Pameran Statik Aset TDM, Pemeriksaan Kesihatan, Program Jiwa Murni dan Pengambilan Perajurit Muda)
  - c. **Sandakan.** Pada 31 Jan hingga 2 Feb 20, bertempat di Kompleks Sukan Sandakan. (Pameran Kerjaya, Pameran Statik Aset TDM, Pertunjukan Payung Terjun, Pemeriksaan Kesihatan, Program Jiwa Murni, Program Derma Darah dan Pengambilan Perajurit Muda)
  - d. **Kudat.** Pada 7 hingga 9 Feb 20, bertempat di Kompleks Sukan Kudat. (Pameran Kerjaya, Pameran Statik Aset TDM, Pertunjukan Payung Terjun, Program Jiwa Murni, Pemeriksaan Kesihatan dan Pengambilan Perajurit Muda)
  - e. **Kota Belud.** Pada 13 hingga 15 Feb 20, bertempat di Kem Paradise, Kota Belud. (Pameran Kerjaya, Pameran Statik Aset TDM, Pemeriksaan Kesihatan, Program Jiwa Murni dan Pengambilan Perajurit Muda)
  - f. **Kota Kinabalu.** Lokasi terakhir, pada 29 Feb hingga 1 Mac 20, bertempat di Kompleks Sukan Likas. (Pameran Kerjaya, Pameran Statik Aset TDM, Pemeriksaan Kesihatan, Program Jiwa Murni dan Pengambilan Perajurit Muda)

6. Pada tahun ini, TDM telah memilih Negeri Sabah sebagai lokasi utama Sambutan HTD Ke-87 dengan tema “**Tentera Darat Bersama Rakyat Sedia Sebilang Masa**”. Justeru, pelbagai acara menarik telah diatur oleh TDM sempena sambutan yang ke-87 ini dengan penglibatan tentera bersama rakyat serta pemimpin-pemimpin tertinggi negeri Sabah bermula pada 19 Januari 20 di Bandar Tawau hingga ke acara kemuncak pada 28 Feb sehingga 1 Mac 20 di Stadium Likas, Kota Kinabalu, Sabah. Antara objektif penganjuran HTD Ke-87 di Sabah adalah bagi mempamer dan mengutamakan fokus TDM kepada kepentingan keselamatan strategik negeri Sabah serta mengukuhkan kedudukan dan kepentingan keselamatan negeri Sabah bersama agensi awam dan rakyat. Selain itu, TDM perlu dilihat sebagai sebahagian ejen pembangunan sosio dan ekonomi di negeri Sabah.

7. Antara acara lain yang akan dianjurkan di Negeri Sabah sempena Sambutan HTD Ke-87 adalah seperti berikut:

a. **LATIHAN KUASA TEMBAKAN**. Pada **15 Feb 20** akan diadakan **Latihan Kuasa Tembakan Tembakan (LKT) di Lapang Sasar Kem Paradise, Kota Belud** yang mana ianya merupakan pertama kali dilaksanakan di Sabah dan turut akan melibatkan kehadiran pemimpin tertinggi Negeri Sabah dan pemimpin agensi setempat serta media. Ia merupakan latihan penembakan pelbagai senjata bantuan dan Aset TD. Orang ramai juga turut dijemput untuk menyaksikan LKT berkenaan.

b. **BATTLE OF THE BAND**. Pada **16 Feb 20**, akan diadakan pertandingan **Battle of the Band** melibatkan penyertaan daripada pemuzik tentera dan ianya julung kali dibuka untuk penyertaan kepada pemuzik awam. Ianya akan dilaksanakan di **Padang Merdeka, Kota Kinabalu, Sabah**.

c. **PROGRAM DERMA DARAH PERDANA**. Pada 22 Feb 20 akan diadakan **Pelancaran acara Derma Darah Perdana** bertempat di **Kompleks IMAGO Mall, Kota Kinabalu**. TDM berhasrat untuk menempa nama dalam *Malaysian Book of Record* dengan merekodkan penderma darah tertinggi dari penganjuran acara derma darah secara serentak di seluruh kem-kem utama.

d. **ACARA TAHLIL DAN KHUTBAH KHAS SEMPENA HTD KE-87**. Pada 28 Feb 20, akan diadakan **Tahlil dan Khutbah Khas Solat Jumaat** bertempat di

**Masjid Bandaraya Kota Kinabalu, Likas.** Khutbah yang sama juga akan dibacakan serentak di semua masjid dalam kem TDM di seluruh Malaysia.

e. **KARNIVAL ALA JOM HEBOH DAN PERTUNJUKAN TATU TDM.** Pada **28 Februari hingga 1 Mac 2020** akan diadakan Karnival Jom Heboh Tentera Darat dan Pertunjukan Tatu TDM bertempat di Stadium Likas, Kota Kinabalu. Pelbagai acara menarik menanti penduduk Kota Kinabalu dan juga rakyat Sabah di sepanjang 3 hari pelaksanaan karnival tersebut. Pelbagai **pameran statik aset TDM dan khemah pameran informasi akan dilaksanakan.** Selain itu, terdapat juga **persempahan konsert dari Badan Kesenian Tentera Darat (BKTD) yang berkolaborasi bersama artis tempatan Sabah dan pertandingan sukan ketenteraan.** Bagi acara **Tatu TDM, pelbagai persempahan akan dilaksanakan seperti pancaragam muzik dan *drumline* dari TDM.**

Turut dipersembahkan adalah pertunjukan **kawad senyap, pertunjukan payung terjun, demonstrasi membuka dan memasang Meriam, persempahan berani aksi bermotosikal daripada kumpulan Army Red Warrior (ARW)** dan diakhiri dengan **persempahan bunga api.** Acara bermula pada jam 9.00 pagi sehingga 12.30 tengah malam.

**TAMAT**